

## Siaran Akhbar

Petaling Jaya, Ogos 13, 2020

### **Nestlé Malaysia Buka Peluang Pekerjaan Kepada 500 Belia Menjelang 2021**

Sempena Hari Belia Antarabangsa, baru-baru ini Nestlé Malaysia telah menganjurkan sesi webinar yang membincangkan topik-topik semasa termasuklah "Kerjaya Semasa COVID-19", sekali gus mengumumkan komitmennya untuk memberikan peluang pekerjaan kepada 500 orang belia menjelang 2021, termasuk daripada komuniti B40. Pengumuman ini adalah sebahagian daripada usaha Syarikat menyokong kumpulan masyarakat yang terjejas akibat pandemik ini. Usaha ini sejajar dengan cita-cita global Kumpulan untuk membantu menyediakan peluang ekonomi kepada 10 juta golongan muda menjelang 2030.

Pengangguran belia ialah satu isu global yang kian meruncing lebih-lebih lagi ekoran kesan COVID-19. Di Malaysia, pengangguran belia semakin meningkat, dan laporan baru-baru ini menunjukkan bahawa 1/3 daripada mereka yang kehilangan kerja pada 2020 melibatkan golongan belia yang berusia di bawah 30 tahun. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menangani masalah ini, Nestlé beriltizam untuk meningkatkan keupayaan belia mendapatkan kerja menerusi program Pelatih Pengurusan, Latihan Amali dan Perantis, dan juga pengambilan menerusi peluang pekerjaan secara langsung.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Pada masa yang mencabar ini, ramai rakyat Malaysia terkesan akibat kehilangan pendapatan dan pekerjaan. Malah golongan muda Malaysia secara khusus terjejas akibat kekurangan peluang pekerjaan. Menerusi program-program ini, Nestlé bertekad untuk membentuk masa depan yang lebih lestari bagi belia Malaysia dan memainkan peranan mencungkil bakat generasi akan datang negara ini."

"Dalam memperkuuhkan komitmen ini, sokongan kami terhadap belia diperluas menerusi peluang yang disediakan dalam program Pelatih Pengurusan, Latihan Amali dan Perantis. Selain daripada melengkapkan belia dengan kemahiran relevan dan meningkatkan peluang mereka diambil bekerja, sesungguhnya kami mahu memastikan peserta, terutamanya mereka daripada kumpulan B40, akan mempunyai sumber pendapatan stabil untuk mengharungi masa-masa sukar ini."

Untuk mengatasi cabaran berikut pandemik, Nestlé sedang menggiatkan latihan dalam talian menerusi program Latihan Amali Maya bagi memberikan latihan berterusan kepada para peserta. Nestlé juga akan terus menyediakan pengalaman praktikal menerusi acara-acara 'kesediaan untuk bekerja' dan meneroka lebih banyak peluang dengan bekerjasama bersama rakan niaga dan syarikat luar yang mendukung matlamat sama.

Usaha ini melengkapi program yang sedang dilaksanakan di bawah inisiatif global Nestlé Needs YOUlt (Nestlé Memerlukan Belia), yang diperkenalkan pada 2013 untuk menyokong Matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG), bagi menyediakan peluang pekerjaan dan pembangunan bakat bagi golongan muda di seluruh dunia. Pada 2019 sahaja, kami telah mencapai kira-kira 60,000 belia Malaysia menerusi pelbagai program Nestlé Needs YOUlt, seperti program Keusahawanan Belia NESCAFÉ, Bakat Kulinari Muda NESTLÉ PROFESSIONAL, serta karnival dan program perbincangan kerjaya.

Untuk maklumat lanjut mengenai program-program belia Nestlé dan cara untuk mengambil bahagian, layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau <http://www.facebook.com/NestleCareersMY>.

Untuk terus menyokong masyarakat yang memerlukan di Malaysia, Nestlé juga telah berikrar untuk membantu 200,000 rakyat Malaysia dalam usaha meringankan beban berkaitan COVID-19. Fasa pertama menyaksikan Nestlé berganding bahu dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan menyalurkan sumbangan makanan kepada pekerja barisan hadapan dan mereka yang memerlukan, manakala fasa kedua bertumpu kepada usaha memberikan sokongan jangka panjang kepada komuniti B40 dan golongan berpendapatan rendah.

#### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

---

#### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi**

##### **Maxine Lim**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6650  
+6012-353 1337

E-mel: [Maxine.Lim@my.Nestle.com](mailto:Maxine.Lim@my.Nestle.com)

##### **Alya Nurina atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348  
+6010 -221 8216 (Alya) atau  
+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)